



Keadaan **sistem saliran Sungai Lemas** yang tidak dinaik taraf hingga mengakibatkan banjir di Jalan Nazir Kampung Sungai Ramal Dalam.

[FOTO SARAH SULAIMAN/ BH]

🕒 **23** KELUARGA
Jalan Nazir, Kampung
Sungai Ramal Dalam

🕒 **3** KILOMETER
Jarak laluan
anak Sungai Lemas



“
Sudah tiba masanya
pihak JPS memikirkan
langkah berkesan.
Sampai bila kami akan
teraniaya kesan tiada
langkah menaik taraf
sungai dijalankan”

Mohd Zalman Ibrahim,
Penduduk

Elak banjir berulang

» **JPS diminta
baik taraf
sungai,
sistem saliran**

Oleh Sarah Sulaiman
sarahsulaiman@bharian.com.my

■ **Bangi**

Penduduk sekitar Jalan Nazir, Kampung Sungai Ramal Dalam, dekat sini, mahu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Hulu Langat segera mencari penyelesaian menangani masalah banjir berulang, sejak tiga tahun lalu.

Kira-kira 23 keluarga di kawasan perumahan berhampiran laluan anak Sungai Lemas itu berada dalam kebimbangan, berikutan musim tengkujuh dengan hujan lebat berterusan kebelakangan ini.

Banjir terburuk

Ketua Wanita UMNO cawangan Sungai Ramal Dalam yang juga penduduk, Zainon Mohd Zali, berkata kejadian banjir sehingga paras pinggang dan memasuki rumah itu sudah tiga kali berlaku sepanjang tahun ini dan terburuk melanda kawasan itu.

Katanya, sebelum ini Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) hanya mengepam air keluar dari kawasan takungan, sedangkan penyelesaian jangka panjang perlu dicari bagi mengelak masalah sama berulang.

“Selain faktor hujan lebat tanpa henti yang berterusan selama dua jam baru-baru ini, penduduk percaya sistem saliran termasuk anak sungai yang tidak dinaik taraf JPS juga menjadi penyumbang masalah ini,” katanya yang sudah 46 tahun tinggal di kampung berkenaan.

Keluhan itu turut disuarakan Mohd Zalman Ibrahim, 72, yang menyatakan banyak kelengkapan perabot ditenggelami air dan gagal diselamatkan kesan kejadian banjir itu, sehingga menyebabkan ia terpaksa diganti baru.

Mahu langkah jangka panjang

“Sudah tiba masanya pihak JPS memikirkan langkah berkesan. Sampai bila kami akan teraniaya kesan tiada langkah menaik taraf sungai dijalankan,” katanya.

Justeru, penduduk berharap JPS dapat mengambil tindakan sewajarnya, termasuk membina semula jambatan yang menghalang laluan anak Sungai Lemas.

Tinjauan *BH Sentral* mendapati laluan anak Sungai Lemas sepanjang tiga kilometer di laluan bahagian belakang rumah penduduk itu amat cetek dan tiada langkah mendalamkan diambil JPS, bagi mengelak limpahan aliran sungai deras ketika hujan lebat.

Sungai di kampung itu juga didapati dalam keadaan tidak terurus, selain terdapat beberapa pokok merentangi sungai itu dan sampah-sarap tersangkut di bawah binaan jambatan kecil sekali gus menyumbang kepada limpahan air sungai ketika hujan.

Kontraktor bina ban penahan bah

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sudah melantik kontraktor yang melaksanakan projek pembersihan anak Sungai Lemas sepanjang 500 meter dalam tempoh dua minggu bermula 14 November lalu.

Elak limpahan air sungai

Jurutera Daerah JPS Hulu Langat, Roslan Shamsuddin, berkata projek bernilai RM20,000 menerusi Peruntukan Kerja-Kerja Kecil Pencegahan Banjir itu dilaksanakan bagi mengelak limpahan air Sungai Lemas sehingga mengakibatkan banjir di kawasan kediaman.

“Kontraktor dilantik juga akan membina ban penahan banjir dengan mengambil kira kajian dilakukan bagi memastikan kejadian banjir besar sehingga menyebabkan kawasan rumah penduduk dimasuki air tidak berulang,” katanya ketika dihubungi *BH Sentral*.